



Amaran!

Pihak Jabatan Agama Islam Perak tidak bertanggungjawab terhadap sebarang penambahan ayat selain daripada kandungan khutbah yang dikeluarkan.

## "MAHKAMAH SYARIAH MENJUNJUNG KEADILAN"

4 Oktober 2024 / 1 Rabiulakhir 1446

الْحَمْدُ لِلَّهِ<sup>1</sup> الَّذِي أَرْسَلَ رَسُولَهُ بِالْهُدَىٰ وَدِينِ الْحَقِّ، لِيُظْهِرَهُ عَلَى الدِّينِ كُلِّهِ وَكَفَىٰ بِاللَّهِ شَهِيدًا. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ<sup>2</sup> وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ وَالتَّابِعِينَ لَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ! اتَّقُوا اللَّهَ<sup>3</sup> أَوْصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

**Jemaah yang dirahmati Illahi,**

Marilah kita tingkatkan ketakwaan ke hadrat Allah SWT dengan melaksanakan segala perintah dan meninggalkan semua larangan Nya, mengikhlaskan setiap amal, semoga kita mendapat taufik dan hidayah serta diperkukuhkan iman mengabdikan diri semata-mata kepada Allah Yang Maha Esa. Mimbar akan menyampaikan khutbah bertajuk:

**"MAHKAMAH SYARIAH MENJUNJUNG KEADILAN"**

Firman Allah SWT, ayat 8 surah al-Maidah:

﴿يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا كُونُوا قَوَّامِينَ لِلَّهِ شُهَدَاءَ بِالْقِسْطِ وَلَا يَجْرِمَنَّكُمْ شَنَاَنُ قَوْمٍ عَلَىٰ أَلَّا تَعْدِلُوا أَعْدِلُوا هُوَ أَقْرَبُ لِلتَّقْوَىٰ وَاتَّقُوا اللَّهَ إِنَّ اللَّهَ خَبِيرٌ بِمَا تَعْمَلُونَ ﴿٨﴾﴾

Bermaksud: "Wahai orang yang beriman, hendaklah kamu sentiasa menjadi orang yang menegakkan keadilan kerana Allah dengan menerangkan kebenaran! Dan janganlah sekali-kali kebencian kamu terhadap sesuatu kaum itu mendorong kamu untuk berlaku tidak adil. Hendaklah kamu berlaku adil (kepada sesiapa sahaja) kerana sikap adil itu lebih hampir kepada takwa. Dan bertakwalah kepada Allah, sesungguhnya Allah Maha Mengetahui apa-apa yang kamu lakukan".

Mahkamah Syariah ialah institusi kehakiman, berperanan sebagai dewan atau majlis pengadilan, mempunyai hak dan juga kuasa untuk mendengar dan memutuskan perbicaraan kes berkaitan perundangan Islam berlandaskan undang-undang

<sup>1</sup> Memuji Allah

<sup>2</sup> Selawat ke atas Nabi Muhammad SAW

<sup>3</sup> Pesan Taqwa



yang telah dikanunkan. Mahkamah Syariah ditubuhkan sesuai dengan bidang kuasa yang diperuntukkan oleh Perlembagaan Persekutuan di bawah Jadual Sembilan Senarai 2 yang telah memberikan bidang kuasa kepada Pihak Berkuasa Negeri untuk mentadbir hal ehwal undang-undang Islam di negeri masing-masing.

Undang-undang syariah yang diperkenalkan bertujuan memastikan syiar Islam dimartabatkan dan keadilan ditegakkan. Perundangan Islam mengatur segenap aspek kehidupan umat untuk tujuan kebaikan, bersifat mengutamakan keadilan serta menolak kemudaratan dan kezaliman tanpa mengira pangkat atau darjat, merangkumi semua pihak tanpa ada mana-mana pihak yang berkecuali selaras dengan ayat 105 surah An-Nisa':

﴿إِنَّا أَنْزَلْنَا إِلَيْكَ الْكِتَابَ بِالْحَقِّ لِتَحْكُمَ بَيْنَ النَّاسِ بِمَا أَرَبَكَ اللَّهُ وَلَا تَكُنَ لِلظَّالِمِينَ حَصِيمًا ﴿١٠٥﴾﴾

Bermaksud: "Sesungguhnya Kami menurunkan kepadamu (wahai Muhammad) Kitab (Al-Quran) dengan membawa kebenaran, supaya engkau mengadili manusia dengan apa yang telah diajarkan oleh Allah kepadamu (melalui wahyu Nya); dan janganlah engkau menjadi pembela bagi orang yang khianat.

### **Para tetamu Allah yang dimuliakan,**

Undang-undang syariah di negara kita bukan sahaja bersifat adil malah sangat menjaga dan melindungi kepentingan pelbagai pihak terutama bagi mereka yang menuntut keadilan. Di negeri Perak, institusi kehakiman syariah terdiri dari empat lapisan mahkamah, menurut susunan berikut; bermula dengan Mahkamah Rendah Syariah, Mahkamah Tinggi Syariah, Mahkamah Rayuan Syariah dan Mahkamah Utama Syariah yang berada pada kedudukan tertinggi. Perak ialah negeri pertama di negara ini yang mewujudkan satu lagi lapisan mahkamah rayuan syariah, iaitu Mahkamah Utama Syariah, yang memberikan hak kepada pihak-pihak yang dibicarakan di Mahkamah Tinggi berpeluang mengemukakan dua kali rayuan untuk mendapatkan keadilan.

Mahkamah Syariah berhak dan diberikan kuasa membicarakan apa-apa kesalahan serta memutuskan suatu hukuman atau keputusan di bawah enakmen-enakmen yang telah digubal seperti Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Perak) 2004, Enakmen Jenayah Syariah Perak 1992, Enakmen Keluarga Islam Perak 2004, Enakmen Mahkamah Syariah (Perak) 2018 serta beberapa enakmen lain.



Mahkamah Syariah bertindak sebagai penjaga keadilan bagi melindungi hak dan kepentingan kaum wanita serta anak-anak terutama dalam kes yang melibatkan pembubaran perkahwinan, tuntutan nafkah, hak penjagaan anak, dan tuntutan harta sepencarian. Sebagai contoh hak penjagaan anak bersama (*hadhanah*), Mahkamah Syariah memastikan penjagaan anak dibuat berdasarkan kepentingan terbaik anak-anak, mendapat pembelaan secukupnya dan tidak terabai sekali pun ibu dan bapanya sudah tidak hidup bersama. Mahkamah Syariah juga bertanggungjawab menetapkan kadar nafkah yang harus dibayar oleh suami kepada bekas isteri dalam tempoh idah dan kepada anak-anak sehingga mereka mampu berdikari.

Dalam kes jenayah syariah, dibicarakan kesalahan-kesalahan yang menyentuh kepentingan *maqasid syariah* iaitu membabitkan kesucian agama, keselamatan nyawa, pemeliharaan akal, harta benda dan keturunan. Dalam menangani kesalahan jenayah syariah, bagi maksud memelihara kesucian agama serta mengekang fahaman menyimpang, diperuntukkan seksyen 9 (ajaran atau amalan menyeleweng), seksyen 13 (perbuatan dan perkataan murtad) serta seksyen 14 (mencela dan menghina agama Islam). Manakala kesalahan yang melibatkan penjagaan diri, dikanunkan seksyen 53 (*musahaqah* iaitu hubungan sejenis perempuan dengan perempuan), seksyen 55 (lelaki berlagak seperti perempuan) dan seksyen 57 (perbuatan tidak sopan).

Seksyen 59 (minuman yang memabukkan) diperuntukkan untuk kesalahan yang menjejaskan pemeliharaan penjagaan akal. Daripada segi penjagaan harta, dikanunkan seksyen 26 (kesalahan berjudi), seksyen 42 (amil tidak menyerahkan pungutan) dan seksyen 44 (menyalah guna harta Baitulmal). Seksyen 48 (persetubuhan haram), seksyen 50 (hamil luar nikah) dan seksyen 52 (*qazaf*), diperuntukkan bagi kesalahan-kesalahan membabitkan memelihara keturunan.

Mahkamah Syariah turut memastikan urusan hibah (pemberian), wasiat, wakaf dan pembahagian harta pusaka dilakukan mengikut peraturan hukum syariah. Hukum faraid, memastikan keadilan dalam pembahagian harta terjamin meski pun selepas pemergian si mati. Dirumuskan bahawa segala undang-undang syariah yang dikanunkan adalah bertujuan meletakkan keadilan pada tempatnya yang sebenar melalui peranan dan tugas Mahkamah Syariah selaku institusi kehakiman yang dilantik oleh pihak pemerintah.



## Jemaah Rahimakumullah

Mimbar merumuskan kesimpulan-kesimpulan berikut:

**Pertama:** Syariah Islam ialah undang-undang dan peraturan yang ditetapkan oleh syarak bertujuan menyebarkan faedah dan kebaikan kepada manusia di samping menghindarkan manusia daripada kemudaratan, kezaliman dan keburukan bagi kelangsungan hidup yang sejahtera.

**Kedua:** Para hakim Mahkamah Syariah serta pihak-pihak yang terlibat dengan proses perbicaraan kes hendaklah memiliki iltizam, keberanian serta ketegasan untuk mengadili kes-kes dengan penuh berintegriti, adil dan telus, tanpa gentar dan tanpa pilih kasih agar kepercayaan masyarakat terhadap institusi kehakiman sentiasa terpelihara.

**Ketiga:** Prinsip 'kedaulatan undang-undang' yang diterapkan dalam Rukun Negara, membuktikan Malaysia menjunjung tinggi nilai keadilan sejagat melalui bidang kuasa dan peranan yang dimiliki oleh badan kehakiman, meletakkan undang-undang berada di kedudukan yang tinggi, serta terpakai kepada semua lapisan masyarakat.

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ  
وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ  
الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ  
وَالْأَمْوَاتِ فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.



## Khutbah Kedua

الْحَمْدُ لِلَّهِ<sup>4</sup> حَمْدًا كَثِيرًا طَيِّبًا مُبَارَكًا فِيهِ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدَهُ وَرَسُولَهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ<sup>5</sup> وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ! اتَّقُوا اللَّهَ<sup>6</sup> وَكُونُوا مَعَ الصَّادِقِينَ.

### Muslimin yang dirahmati Allah,

Mimbar menyeru para jemaah agar tetap berpegang kepada aqidah Islamiah berteraskan Ahli Sunnah Waljamaah, yang menjadi warisan Rasulullah SAW, sahabat dan tabiin serta yang mengikutinya dari kalangan *Asyairah Maturidiah*. Jagalah hubungan dengan Allah SWT dan sesama manusia. Makmurkan rumah-rumah Allah dengan istiqamah mengerjakan ibadah, terutama solat fardu berjemaah. Perbanyakkan selawat dan salam ke atas Junjungan Besar Nabi Muhammad SAW.

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا<sup>7</sup>  
اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ مُحَمَّدٍ كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ إِبْرَاهِيمَ وَبَارِكْ عَلَى مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ مُحَمَّدٍ كَمَا بَارَكْتَ عَلَى إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ إِبْرَاهِيمَ فِي الْعَالَمِينَ إِنَّكَ حَمِيدٌ مَجِيدٌ. اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ، وَأَصْلِحْ ذَاتَ بَيْنِهِمْ وَأَلْفَ بَيْنَ قُلُوبِهِمْ وَاجْعَلْ فِي قُلُوبِهِمُ الْإِيمَانَ وَالْحِكْمَةَ، وَثَبِّتْهُمْ عَلَى مِلَّةِ رَسُولِ اللَّهِ ﷺ.  
اللَّهُمَّ أَعِزِّ الْإِسْلَامَ وَالْمُسْلِمِينَ وَأَنْصُرْ إِخْوَانَنَا وَأَخَوَاتِنَا وَأَطْفَالَنَا فِي فَلَسْطِينَ، وَاحْفَظْ أَهْلَهَا وَأَنْصُرْ جُنُودَهَا وَدَمِّرْ أَعْدَاءَكَ أَعْدَاءَ الدِّينِ يَا رَبَّ الْعَالَمِينَ.

**Ya Hakim Ya 'Alim!**, kurniai para hakim dan pihak-pihak yang terlibat dalam institusi kehakiman sifat amanah, kebijaksanaan, ketenangan, kearifan dan kesungguhan ketika mengadili setiap kes yang dibicarakan agar terlaksana keadilan. Engkau mudahkan segala urusan di bawah institusi kehakiman agar pihak yang teraniaya mendapat pembelaan sewajarnya – pihak yang bersalah dijatuhkan hukuman setimpal.

<sup>4</sup> Memuji Allah

<sup>5</sup> Selawat ke atas Nabi Muhammad SAW

<sup>6</sup> Pesan Taqwa

<sup>7</sup> Ayat Al-Quran

<sup>8</sup> Doa untuk Kaum Muslimin



Kurniai para hakim di negara kami hikmah kebijaksanaan dan ketakwaan dalam memutuskan sesuatu keputusan sepertimana yang Engkau kurniakan kepada Nabi Daud dan Nabi Sulaiman 'Alaihissalam.

**Ya Mannan! Ya Razzaq!**, berkatilah hamba Mu yang melaksanakan zakat, wakaf dan sedekah. Kurniai mereka rezeki yang berlipat ganda, serta sucikanlah harta dan jiwa mereka; jauhi golongan *fuqara* dan *masakin* daripada kekufuran dan kefakiran yang berpanjangan.

**Ya Aziz! Ya Qahhar!** Lindungi Masjid al-Aqsa daripada dimusnahkan oleh rejim Zionis Israel dan limpahi ihsan Mu membela dan mengurniakan kemenangan kepada rakyat di bumi Palestin yang sedang menderita kerana perbuatan zalim rejim Zionis Israel.

**Ya Mu'min! Ya Muhaimin!** Limpahi rahmat Mu agar negara kami berada dalam keadaan selamat dan makmur, dijauhi daripada bencana dan malapetaka, rakyatnya hidup dalam suasana aman dan muhibah.

**Ya Maalikal Mulk!**, jauhi negara kami daripada kehancuran disebabkan perbuatan rasuah; serahkan tanggungjawab pimpinan dan pengurusan negara kami kepada kalangan hamba Mu yang amanah dan ikhlas, serta tegas lagi berani menegakkan kebenaran dan melaksanakan keadilan berlandaskan hukum.

**Ya Muiz! Ya Adzhiim! Ya Kabiir!**, kurniakanlah taufik dan hidayah Mu terhadap raja kami, Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Perak Darul Ridzuan, Sultan Nazrin Muizzuddin Shah Ibni Almarhum Sultan Azlan Muhibbuddin Shah Al-Maghfur-Lah, dan Raja Permaisuri Perak Darul Ridzuan Tuanku Zara Salim serta kerabat diraja dan seluruh rakyat jelata.

رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ  
عِبَادَ اللَّهِ، ﴿إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايَ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ  
الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ﴾ ﴿فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذُكُرْكُمْ،  
وَاشْكُرُوا عَلَىٰ نِعْمِهِ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ، وَلِذِكْرِ اللَّهِ أَكْبَرُ، وَاللَّهُ يَعْلَمُ  
مَا تَصْنَعُونَ.﴾